



**MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN PENJAJA**

**BAHAGIAN PELESEN**

**MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU**

**21700 KUALA BERANG, TERENGGANU**

**TEL: 09-6811466 / 09-6811149**

**EMAIL: [mdht@terengganu.gov.my](mailto:mdht@terengganu.gov.my)**

**WEBSITE: [www.mdht.gov.my](http://www.mdht.gov.my)**

**TERBITAN 22 OGOS 2023 (BIL.1/2023)**

## 1. OBJEKTIF GARIS PANDUAN




Garis panduan ini menerangkan mengenai tatacara untuk membuat permohonan lesen penjaja bagi menjalankan aktiviti perniagaan penjajaan statik atau bergerak, penjaja sementara dan pasar malam/ sehari dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Hulu Terengganu.

## 2. OBJEKTIF PELESENAN

- i. Memastikan semua kegiatan perniagaan penjaja dilesenkan untuk tujuan pengawalan dan pematuhan syarat-syarat lesen perniagaan.
- ii. Memastikan penjaja mematuhi syarat pelesenan bagi menjamin kualiti perkhidmatan yang disediakan.
- iii. Merancang dan mengawal semua aktiviti pelesenan penjaja bagi mencapai tahap pengurusan yang cekap dan berkualiti.
- iv. Memastikan isu keselamatan terjaga dan mengelakkan kacau ganggu awam.

## 3. SKOP PELESENAN

Aktiviti penjajaan sebagaimana berikut:

Bil.	Aktiviti	Definisi	Contoh
i.	Penjaja Beredar	Aktiviti penjajaan menggunakan kenderaan berjentera atau kereta jaja jenis motosikal roda tiga, van 'food truck', kereta persendirian. Walaupun begitu, aktiviti penjajaan kategori ini perlu mematuhi syarat-syarat tertentu seperti pematuhan syarat berkaitan pergerakan terhadap mengikut zon atau tapak menjaja yang disediakan oleh dan ditentukan oleh Majlis.	
ii.	Penjaja Statik	Seseorang yang menggunakan kiosks atau gerai jualan apa-apa makanan/minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis di petak yang ditetapkan dan dengan kebenaran pihak Majlis	
3.	Pasar Malam / Sehari / Pasar Tani	Seseorang yang menggunakan meja/payung di suatu tempat yang telah diwartakan sebagai tapak pasar Pasar Malam/ Sehari / Pasar Tani dan mendedahkan atau barang-barang dari apa-apa jenis yang dibenarkan oleh Majlis	

#### 4. ASAS PERUNDANGAN

Semua aktiviti perniagaan penjaja yang dilesenkan adalah berasaskan pada Undang-Undang Kecil yang diwartakan bagi digunapakai oleh Majlis Daerah Hulu Terengganu iaitu:

- i. Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Daerah Hulu Terengganu) 1993
- ii. Undang-Undang Kecil Pasar Malam / Sehari (Majlis Daerah Hulu Terengganu) 1993

#### 5. LARANGAN PENJAJAAN

Merujuk kepada Undang-Undang kecil Penjaja (MDHT) 1993, tiada seorang penjaja boleh menjalankan perniagaannya melainkan mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada MDHT sebagaimana berikut:

Bil.	Kawasan Larangan Menjaja
1.	Dalam lingkungan sepuluh (10) meter dari simpang jalan.
2.	Dalam lingkungan tiga puluh enam (36) desimeter dari pili bomba.
3.	Diatas tangga, kakilima atau lapangan awam yang berturap atau mana-mana saluran parit atau longkang melainkan mendapatkan oleh Yang Dipertua.
4.	200 meter dari Kawasan sekolah, bahu jalan utama dan kawasan letak kenderaan.
5.	Kawasan Jabatan Pentadbiran Awam adalah dilarang bagi semua aktiviti penjajaan.
6.	Di jalan-jalan masuk dan di jalan utama kawasan perumahan.
7.	Bahu-bahu jalan yang melibatkan kawasan berumput landskap atau siarkaki.

#### 6. SYARAT ASAS PERMOHONAN

Bil.	Syarat Asas Permohonan
1.	Warganegara Malaysia
2.	Berumur 18 tahun keatas
3.	Mengisi dan mengemukakan borang permohonan lesen dengan lengkap bersama dokumen yang berkaitan.

#### 7. DOKUMEN ASAS PERMOHONAN

Bil.	Dokumen Asas Permohonan	Keperluan
1.	Pendaftaran syarikat (SSM)	Satu (1) Salinan
2.	Kad pengenalan pemohon	Satu (1) Salinan
3.	Gambar berukuran passport	Dua (2) keping
4.	Sijil pengedali makanan (jualan makanan/minuman)	Satu (1) Salinan
5.	Salinan rekod suntikan typhoid (TY2) (jualan makanan/minuman)	Satu (1) Salinan
6.	Lakaran pelan lokasi permohonan	Satu (1) Salinan
7.	penjaja beredar nyatakan jenis kenderaan yang digunakan, no. pendaftaran kenderaan, jenis jualan dan lokasi perniagaan	Satu (1) Salinan
8.	Salinan surat kebenaran daripada penganjur / pemilik tanah jika melibatkan hakmilik tanah persendirian (jika berkaitan)	Satu (1) Salinan


9.	Salinan surat kelulusan Layak Pendudukan Sementara (LPS/TOL) jika melibatkan tanah rezab milik kerajaan	Satu (1) Salinan
10.	Surat pengesahan kekosongan tapak bagi tapak jika melibatkan Kawasan pasar malam/ sehari/ pasar tani yang diuruskan oleh Persatuan atau mana-mana badan yang dilantik	Satu (1) Salinan
11.	Surat Tawaran / perjanjian sewa bagi gerai-gerai MDHT	Satu (1) salinan

## 8. KAEDAH PERMOHONAN LESEN PENJAJA

<p><b>Manual</b> (borang permohonan boleh didapati di Kaunter Pelesenan, Pejabat Majlis Daerah Hulu Terengganu dan serahkan borang permohonan lengkap beserta dokumen lampiran secara manual di Kaunter Pelesenan MDHT)</p>	<p>Kaunter Bahagian Pelesenan Pejabat Majlis Daerah Hulu Terengganu 21700 Kuala Berang</p> <p>Waktu Operasi Kaunter: <b>Ahad – Rabu</b> 8.00 pagi – 5.00 petang <b>Khamis</b> 8.00 pagi – 3.30 petang</p> <p>No. Tel: 09-6811466 /6811149 Faks: 09-6811655 Email: <a href="mailto:mdht@terengganu.gov.my">mdht@terengganu.gov.my</a> Lawan sesawang: <a href="http://www.mdht.gov.my">www.mdht.gov.my</a></p>
---	---


## 9. KAEDAH PERMOHONAN LESEN PENAJA DAN CARTA ALIR

### CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN PENAJA / PENAJA SEMENTARA



## 10. KAEDAH PERMOHONAN LESEN PASAR MALAM/ SEHARI/ PASAR TANI

### CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN PASAR MALAM/ SEHARI/ PASAR TANI



## 11. SYARAT-SYARAT PERMATUHAN LESEN

### A. Syarat AM

1. Permohonan mestilah warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun keatas.
2. Pemohon perlu mendapatkan kelulusan daripada penganjur/ pemilik tapak niaga jika berkaitan.
3. Semua permohonan akan diproses berdasarkan prosedur yang telah ditetapkan.
4. Menjalankan perniagaan mengikut kelulusan lesen sahaja.
5. Mematuhi syarat dan peraturan yang dikenakan oleh agensi-agensi yang berkaitan dengan barang yang diniaga (contoh: KKM/ KPDNHEP dan lain-lain)
6. Waktu perniagaan mestilah mengikut masa yang ditetapkan oleh Majlis.
7. Had bilangan lokasi tapak menjalankan aktiviti menjaja yang setiap lesen yang diluluskan.
8. Pemilik lesen hendaklah sentiasa berada di lokasi perniagaan.
9. Lesen hendaklah sentiasa dipamerkan dengan jelas dan mudah dilihat.
10. Dilarang membina struktur binaan kekal di tapak menjaja.
11. Kawasan perniagaan perlu dibersihkan dan dikosongkan setiap hari selepas waktu berniaga. **Peringatan: mana-mana peralatan, perabot dan barang-barang jualan yang ditinggalkan akan disita tanpa apa-apa notis.**
12. Lesen perniagaan ini tidak boleh digunakan/ diniagakan oleh orang lain
13. Kaedah jualan ialah 'take away' atau bungkus sahaja.

### B. Penjaja (Penyedia Makanan)

1. Semua pengendali makanan makanan yang terlibat di dalam penyediaan atau penyajian makanan hendaklah:
  - Mengambil suntikan pelalian typhoid/TY2 dan disahkan sihat oleh pengamal perubatan yang diiktiraf sebelum menjalankan aktiviti perniagaan.
  - Setiap pengusaha/ pengendali makanan diwajibkan menghadiri kursus pengendali makanan.
  - Setiap pekerja perlu memakai apron, penutup kepala dan kasut yang tertutup semasa mengendalikan makanan/ minuman.
  - Menggunakan peralatan yang bersih, sesuai dan sempurna semasa mengendalikan makanan.
  - Tidak meludah, merokok atau mengunyah sirih/ pinang semasa menjalankan perniagaan. Memastikan kebersihan diri sentiasa menjadi amalan.
  - Berkuku pendek dan sentiasa bersih.
  - Mematuhi segala syarat yang ditetapkan oleh pihak Majlis dan Jabatan Kesihatan Malaysia.
2. Menyediakan bekalan air bersih untuk kegunaan dalam penyediaan makanan/ minuman kepada pelanggan.
3. Kebersihan tempat menjaja dan Kawasan sekitarnya hendaklah sentiasa dijaga.
4. Tidak membuang sisa perniagaan ke dalam sistem peparitan. Semua bahan-bahan yang tidak digunakan tidak boleh dibuang di mana-man tetapi diuruskan dengan betul atau dimusnahkan. Tiada seorang penjaja boleh menyebabkan atau meletakkan, menumpahkan, menaburkan atau membuang apa-apa darah, air asin, cecair buangan atau lain-lain bahan busuk dalam mana-mana longkang atau tempat awam.

5. Semua sampah dan lebih makanan hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik sebelum dibuang ke dalam tong sampah. Menyediakan tong sampah yang sesuai dan tertutup.
6. Memastikan semua makanan tertutup atau dipamerkan di tempat khas supaya ia tidak akan dicemari oleh lalat, lipas, tikus dan lain-lain.
7. Semua bahan-bahan yang digunakan dalam masakan perlu disimpan dalam bekas tertutup dan dilabelkan.
8. Dilarang untuk mengganggu penjalan trafik, menghalang atau mengganggu penjalan kaki.
9. Penjaja hendaklah mematuhi arahan bertulis yang diberikan oleh pihak Majlis atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua berkenaan dengan penempatan kenderaan atau lain-lain alat yang berkaitan semasa menjalankan aktiviti perniagaan.
10. Tidak dibenarkan meletak kerusi/ meja tanpa kebenaran pihak Majlis.
11. Tidak dibenarkan meninggalkan peralatan menjual selepas tamat perniagaan.

### **C. Penjaja Beredar (Berkenderaan)**

1. Bagi penjaja yang menggunakan kenderaan diwajibkan mendapatkan kelulusan daripada JPJ untuk mematuhi peraturan berkaitan.
2. Kenderaan bergerak seperti Food Truck yang bersesuaian untuk jenis perniagaan.
3. Dilarang menjalankan aktiviti perniagaan:
  - Dalam lingkungan 10 meter dari simpan jalan.
  - Dalam lingkungan 3 meter dari pili bomba.
  - Diatas tangga, siar kaki lima awam, pulau, atau saluran perparitan longkang kecuali dengan kebenaran pihak Majlis.
  - Penjualan makanan dan minuman dalam lingkungan 200 meter dari pagar sekeliling sekolah adalah dilarang bagi semua penjaja, statik, penjaja beredar dan penjaja sementara.
4. Tidak boleh berniaga dengan cara yang boleh menghalang atau mengganggu lalulintas dan pergerakan orang berjalan kaki.
5. Tindakan penguatkuasaan akan diambil ke atas penjaja yang melanggar peraturan yang ditetapkan.
6. Tidak dibenarkan meletak/ meninggalkan sebarang barang perniagaan seperti meja, payung, kanopi dan kerusi ditempat perniagaan.
7. Dilarang untuk berniaga ditempat yang tidak dibenarkan.
8. Tidak dibenarkan menjalankan aktiviti mencuci peralatan perniagaan di tapak perniagaan.

### **D. Penjaja Pasar Malam/ Sehari / Pasar Tani**

1. Pelesen hendaklah menjalankan perniagaan sendiri, berumur 18 tahun ke atas. Lesen tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau disewakan kepada orang lain.
2. Pelesen dibenarkan berniaga di pasar malam/ sehari / pasar tani sebagaimana yang dinyatakan (tertera) di lesen yang telah dikeluarkan Sahaja. Berniaga dimana-mana lokasi yang tidak dinyatakan dalam lesen yang dikeluarkan adalah suatu kesalahan.
3. Lesen hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat dan diperbaharui setiap tahun dan hendaklah dikemukakan apabila diminta oleh pegawai berkuasa.
4. Masa urusan bagi pasar malam bermula 4.00 petang hingga 12.00 petang manakala pasar sehari/ pasar tani bermula 6.00 pagi hingga 12.00 tengahari.
5. Kebersihan diri, makanan serta kebersihan alatan makanan hendaklah setiasa dijaga (jualana makanan/ minuman)
6. Bagi peniaga yang menyediakan/ mengendalikan makanan perlulah:



- a) Hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan, suntikan typid (TY2) dan diwajibkan menghadiri Kursus pengedali makanan.
  - b) Memakai apron dan penutup kepala.
  - c) Gunakan pembungkus sekali guna (disposable cookeries) atau pembungkus yang diluluskan oleh Majlis.
  - d) Gunakan penyepit semasa mengambil makanan.
  - e) Gunakan bekas yang tertutup bagi mengelakkan berlaku pencemaran.
7. Hendaklah menjaga kebersihan tempat berniaga dan kawasan sekitarnya pada setiap masa. Semua sampah sarap hendaklah dimasukkan ke dalam karung plastic dan diikat dengan sempurna sebelum dilupuskan.
  8. Dilarang menumpahkan atau membuang apa-apa cecair, minyak masak atau lain-lain bahan ke dalam longkang, ke atas jalan atau mana-mana tempat awam yang lain.
  9. Alatan perniagaan seperti meja dan sebagainya hendaklah dipindahkan setiap kali selepas waktu perniagaan.
  10. Penggunaan alat pembesar suara di pasar malam/ pasar sehari/ pasar tani adalah tidak dibenarkan kecuali mendapatkan kebenaran khas.
  11. semua peniaga pasar malam hendaklah berhenti waktu operasi perniagaan 10 minit sebelum Maghrib dan 10 minit selepas Maghrib.
  12. Kenderaan milik peniaga tidak dibenarkan berada dalam petak semasa waktu perniagaan.
  13. Semua peniaga perlu mempamerkan tanda harga pada barang jualan yang dijual.
  14. Pelesen hendaklah mematuhi apa-apa arahan lisan atau bertulis yang diberikan oleh pihak Majlis/ Pengurusan berkenaan dengan penempatan meja, kenderaan atau lain-lain yang berkaitan dengan perniagaannya.


## 12. PIAGAM PELANGGAN KEPUTUSAN PERMOHONAN

Piagam Pelanggan	Tempoh
Tenpoh proses permohonan lesen penjaja / penjaja sementara diberikan keputusan	30 hari bekerja
Tempoh proses permohonan lesen pasar malam/ sehari/ pasar tani	1 hari (bergantung kepada kekosongan petak)

## 13. KAEDAH PEMBAHARUAN LESEN

Pembaharuan Lesen	Tempoh Bayaran	Dokumen & Fi	Piagam Pelanggan
<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembaharuan lesen boleh dibuat di kaunter pelesen MDHT</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jan hingga Mac setiap tahun.</li> <li>Tindakan penguatkuasaan akan dikenakan bermula April setiap tahun</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengemukakan lesen penjaja/ pasar malam/ sehari/ pasar tani yang asal.</li> <li>Surat tawaran/ surat kebenaran/ bagi yang berkaitan.</li> <li>Fi pembaharuan sebagaimana yang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelulusan serta merta sekiranya dokumen lengkap</li> </ul>

## CARTA ALIR PEMBAHARUAN LESEN PENJAJA



### 14. FI PEMBAYARAN

Fi Yang Perlu Dibayar Bagi Permohonan Lesen Penjaja :

Bil.	Item	Fi (RM)	Kaedah	Bayaran
1.	Fi lesen	Ditetapkan mengikut kadar dalam UUK Penjaja (MDHT) 1993 dan UUK Pasar Malam/ Sehari (MDHT) 1993	Tunai/ JomPay	Selepas permohonan diluluskan

### 15. KADAR BAYARAN FI LESEN IKUT JENIS AKTIVITI:

Undang-Undang Kecil Penjaja Majlis Daerah Hulu Terengganu 1993

Bil.	Jenis	Kadar Fi (RM)
1.	<b>Pejaja Beredar</b> a) Lesen Penjaja b) Kereta Tolak	7.00 setahun 5.00 setahun
2.	<b>Penjaja Statik</b> a) Gerai-gerai yang menjalankan perniagaan ditepi jalan i. Keluasan tidak melebihi 5 meter persegi ii. Bagi tambahan tiap-tiap 1 meter persegi b) Gerai-gerai yang menjalankan perniagaan di atas tanah lot kosong yang disewa dan di atas tanah Kerajaan. i. Keluasan tidak melebihi 3 meter persegi ii. Bagi tambahan tiap-tiap 1 meter persegi c) lesen gerai-gerai 'centralised' d) Sewa gerai	15.00 setahun 8.00 setahun 12.00 setahun 8.00 setahun 10.00 setahun 3.00 sebulan
3.	<b>Petak Peraga Di Dinding (Wall Showcase)</b> a) Keluasan tidak melebihi 3 meter persegi	5.00 setahun

	b) Bagi tambahan tiap-tiap 1 meter persegi	5.00 setahun
4.	<b>Bayaran Pindah Milik Gerai</b>	10.00
5.	<b>Penjaja Sementara</b> a) Keluasan tidak melebihi 1 ½ meter persegi b) Bagi tambahan tiap-tiap 1 meter persegi	0.30 sehari 0.50 sehari

#### Undang-Undang Kecil Pasar Malam/ Sehari Majlis Daerah Hulu Terengganu 1993

Bil.	Jenis	Saiz Gerai	Kadar Fi (RM)	Masa perniagaan
1.	Pasar Malam	8 kaki x 6 kaki	25.00 Satu tapak setahun	4.00 petang hingga 12 malam
2.	Pasar Sehari / Pasar Tani	8 kaki x 6 kaki	25.00 Satu tapak setahun	6.00 pagi hingga 12 tengahari


#### 16. KEPUTUSAN PERMOHONAN

Output	Lesen Penjaja
Kaedah penyampaian keputusan kepada pemohon	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengeluaran surat tawaran/ kelulusan lesen (pos atau serahan tangan di bahagian kaunter pelesen.</li> <li>2. Panggilan telefon kepada pemohon</li> </ol>

#### 17. PEMBATALAN LESEN

Pembatalan Lesen	Dokumen & Fi	Piagam Pelanggan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melalui surat permohonan secara rasmi kepada Bahagian Pelesen MDHT</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengemukakan lesen penjaja asal</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kelulusan serta-merta sekiranya dokumen lengkap.</li> </ul>

## CARTA ALIR PEMBATALAN LESEN PENJAJA



## 18. BORANG PERMOHONAN LESEN PENJAJA / PENJAJA SEMENTARA



MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU

21700 KUALA BERANG,

HULU TERENGGANU.

### BORANG PERMOHONAN PERMIT PENJAJA SEMENTARA / PENJAJA PESTA

<input type="checkbox"/>	GERAI / MEDAN SELERA / KEDAI	<input type="checkbox"/>	PASAR	<input type="checkbox"/>	PENJAJA TEPI JALAN
<input type="checkbox"/>	PASAR PAGI / TAKE AWAY	<input type="checkbox"/>	PASAR MALAM	<input type="checkbox"/>	PERMIT KHEMAH/PROMOSI

**\*\*Permohonan hendaklah dibuat empat belas (14) hari sebelum perniagaan beroperasi.**

#### A. BUTIRAN PERMOHONAN

1. LOKASI PERMOHONAN : \_\_\_\_\_
2. JENIS JUALAN : \_\_\_\_\_
3. SAIZ KHEMAH : \_\_\_\_\_ 3.2 JUMLAH KHEMAH : \_\_\_\_\_
4. TARIKH : MULAI : \_\_\_\_\_ HINGGA : \_\_\_\_\_

#### B. MAKLUMAT PEMOHON

1. NAMA : \_\_\_\_\_
2. NO. KAD PENGENALAN : \_\_\_\_\_
3. TARIKH LAHIR : \_\_\_\_\_ 3.2 TEMPAT LAHIR : \_\_\_\_\_
4. WARGANEGARA : \_\_\_\_\_
5. ALAMAT KEDIAMAN : \_\_\_\_\_

#### C. MAKLUMAT PENGANJUR / SYARIKAT

1. NAMA PENGANJUR / SYARIKA : \_\_\_\_\_
2. ALAMAT PENGANJUR / SYARIKAT : \_\_\_\_\_
3. NO. PENDAFTARAN PERNIAGAAN / SYARIKAT : \_\_\_\_\_
4. NO. TELEFON : \_\_\_\_\_

#### D. PENGAKUAN PEMOHON

Saya dengan ini mengaku bahawa segala maklumat yang dinyatakan adalah benar. Saya juga bersetuju sekiranya maklumat yang diberikan adalah tidak benar atau palsu, maka Majlis Daerah Hulu Terengganu berhak menolak permohonan ini atau menarik balik dan membatalkan lesen yang telah dikeluarkan.

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pemohon)

Nama :

Tarikh :

## SYARAT-SYARAT PERMOHONAN DAN SENARAI SEMAK PERMOHONAN (CHECKLIST)

### SYARAT-SYARAT AM

#### 1.1 LOKASI PERNIAGAAN

- a. Peniaga dikehendaki mencadangkan lokasi yang bersesuaian tertakluk kepada kelulusan pihak Majlis, Pejabat Tanah Daerah, PDRM dan JKR.
- b. Kawasan perniagaan serta lokasi yang tidak dibenarkan untuk sebarang aktiviti perniagaan adalah seperti berikut:
  - Dalam lingkungan 9 meter dari persimpangan jalan
  - Dalam lingkungan 3.6 meter dari pili bomba
  - Di atas tangga, kaki lima atau jalan kaki awam melainkan dibenarkan secara bertulis oleh Pihak Berkuasa Melesen.
  - Kurang 15 meter dari simpang jalan
  - Kawasan sekitar mana-mana sekolah, hospital, pasar awam, bangunan kerajaan, tempat awam.
  - Kawasan yang mempunyai papan tanda " ZON LARANGAN MENAJAJA"
  - Mana – mana bahagian jalan yang boleh menimbulkan gangguan kepada lalu lintas seperti yang ditentukan oleh Majlis

#### 1.2 SYARAT – SYARAT AM PERMIT

- a. Hanya Warganegara Malaysia sahaja dibenarkan untuk menjalankan aktiviti perniagaan di Majlis Daerah Hulu Terengganu.
- b. Pemegang Lesen /permit hendaklah mematuhi Undang-undang Kecil Penjaja MDHT 1993.
- c. Lesen / Permit penjaja yang telah diluluskan perlu dipamerkan semasa aktiviti perniagaan dijalankan.
- d. perniagaan hanya dibenarkan pada waktu yang diluluskan seperti yang tercatat pada permit sahaja.
- e. perniagaan hanya dibenarkan pada waktu yang diluluskan seperti yang tercatat pada permit sahaja.
- f. hanya jenis jualan yang diluluskan dan tercatat pada permit sahaja diluluskan.(jualan hanya bungkus dan bawa pulang sahaja)
- g. Hanya kanopi bersaiz 10' x 10' kaki sahaja dibenarkan.
- h. Perniagaan hendaklah dijalankan oleh pemegang permit sendiri di petak dan kawasan yang ditetapkan.
- i. Tidak boleh menjalankan perniagaan yang boleh menghalang lalu lintas dan pergerakan bebas pejalan kaki.
- j. Memastikan kenderaan pengunjung tidak menghalang lalu lintas
- k. Tidak dibenarkan menyediakan kerusi meja kepada pengunjung.
- l. Tidak dibenarkan meninggalkan apa-apa barang perniagaan di lokasi yang ditetapkan selepas tamat waktu perniagaan.

- m. Tidak dibenarkan mendirikan apa-apa struktur binaan di tapak perniagaan.
- n. Hendaklah mempamerkan tanda harga pada barangan yang dijual.
- o. Pemegang permit hendaklah menyediakan tong sampah atau bekas sampah yang mencukupi sebagai tempat membuang sampah dan sampah hendaklah dilupuskan mengikut cara yang ditetapkan oleh MDHT.
- p. Tidak menumpahkan atau membuang cecair buangan atau bahan busuk di tapak jualan.
- q. Permit perniagaan hendaklah sentiasa dipamerkan untuk disemak oleh pihak berkuasa..
- r. Pegawai majlis yang diberi kuasa berhak membuat pemeriksaan ke atas peniaga bagi memastikan peniaga mematuhi arahan-arahan yang ditetapkan.
- s. Sekiranya pihak majlis menerima aduan atau mendapati lokasi berkenaan tidak bersesuaian, pihak majlis berhak menarik balik permit dan membatalkannya.
- t. Jika peniaga gagal mematuhi segala arahan dan syarat yang telah ditetapkan oleh MDHT, tindakan penguatkuasaan akan dikenakan.

### 1.3 SYARAT PELESENAN

#### a. SYARAT – SYARAT KESIHATAN DAN KEBERSIHAN DIRI

- i. Pemegang permit diwajibkan mengambil suntikan typhoid (demamkepialu) dengan mengemukakan surat / kad pengenalan suntikan hospital / klinik.
- ii. Semua pengendali makanan wajib menghadiri kursus pengendali makanan daripada mana-mana pusat yang diiktiraf.
- iii. Semua peniaga diwajibkan memakai apron dan topi yang bersih setiap masa berniaga
- iv. Tidak dibenarkan memakai baju yang tidak berlengan dan pakaian hendaklah sentiasa bersih dan kemas.

#### c. SYARAT – SYARAT KEBERSIHAN MAKANAN

- i. Hendaklah menyediakan penutup makanan yang sesuai untuk menutup makanan
- ii. Tidak dibenarkan merokok semasa menyediakan makanan
- iii. Diwajibkan memakaikan sarung tangan dan menyediakan pengepit atau sudu bagi mengambil makanan.
- iv. Keadaan tapak berniaga dan juga peralatan hendaklah sentiasa berkeadaan bersih.

- Satu (1) salian Kad Pengenalan Pemohon
- Satu (1) Salinan Pendaftaran Syarikat (SSM)
- Pelan Lokasi untuk permohonan Permit Sementara (Tepi Jalan) / Buah-buahan Bermusim **(WAJIB)**
- Gambar Lokasi Tapak** untuk permohonan Pesen Sementara (Tepi Jalan) **(WAJIB)**
- Sertakan bersama surat rasmi pemohon
- 2 keping gambar berukuran pasport
- Kemukakan LMS jika perniagaan di atas rezab jalan
- Kemukakan maklumat kebenaran jika tanah milik individu.
- Salinan siji pengendali makanan (bagi jualan makanan/ minuman)
- Salinan suntikan Typhoid (TY2)



## 19. BORANG PERMOHONAN LESEN PENAJA PASAR MALAM/ SEHARI / PASAR TANI



MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU  
21700 KUALA BERANG  
TERENGGANU  
TEL : 09-6811466/09-6811149  
FAX : 09-6811655

GAMBAR

### **BORANG PERMOHONAN LESEN PASAR MALAM/ SEHARI**

1. Borang ini hendaklah diisi dengan lengkap, terang (dengan huruf besar) dan jelas.
2. Kembalikan borang ini beserta dokumen berikut :
  - a) Dua (2) keping gambar berukuran pasport.
  - b) Satu (1) salinan kad pengenalan pemohon.
  - c) Satu (1) salinan Pendaftaran Perniagaan daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) (mengikut Akta Pendaftaran Syarikat)
  - d) Satu (1) salinan Kad Pengendali Makanan bagi jenis perniagaan makanan dan minuman.
  - e) Satu (1) Salinan kad suntikan Typhim VI
  - f) Bagi Pasar Malam/Sehari yang diuruskan oleh JPKK atau Persatuan/Pihak Swasta, sila kemukakan surat kekosongan tapak.
  - g) Borang yang lengkap sahaja akan diproses.

#### **1. MAKLUMAT PEMOHON :**

- 1.1 Nama Pemohon : .....
- 1.2 No. K/Pengenalan : .....
- 1.3 Tarikh Lahir : .....
- 1.4 Tempat Lahir : .....
- 1.5 Jantina : Lelaki / Perempuan
- 1.6 Bangsa : .....
- 1.7 Warganegara : .....
- 1.8 Taraf Perkahwinan : .....
- 1.9 Alamat Surat Menyurat : .....
- 1.10 No. Telefon : .....

**2. MAKLUMAT PERNIAGAAN :**

2.1 Jenis Perniagaan : .....

2.2 Ukuran Keluasan Tapak Berniaga : ..... kaki X ..... kaki

2.3 Tempat Menjalankan Perniagaan Dalam Daerah Hulu Terengganu :

i. ....

ii. ....

iii. ....

iv. ....

v. ....

2.4 Menggunakan Kenderaan semasa berniaga di Pasar Sehari / Malam :  
YA / TIDAK

**3. PENGAKUAN :**

Dengan ini saya ..... mengaku  
dan mengesahkan bahawa semua maklumat yang tercatat di dalam borang ini  
dan lampiran-lampiran yang disertakan adalah benar.

Tarikh .....

.....  
(Tandatangan Pemohon)